

04/10/2002

Swasta diminta sedia pusat jagaan warga tua

KUALA LUMPUR, Khamis - Kerajaan meminta sektor swasta membantu menyediakan pusat jagaan harian warga tua berikutan jangkaan pertambahan kumpulan itu daripada enam peratus ketika ini kepada 9.7 peratus pada masa depan.

Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, Datuk Dr Siti Zaharah Sulaiman berkata, pihak swasta yang berminat boleh menghubungi kementerianannya untuk mendapatkan garis panduan penubuhan.

Beliau berkata, kementerianannya akan memberi tunjuk ajar dan insentif kepada pihak yang ingin menubuhkan pusat jagaan itu.

"Pusat jagaan itu dijangka dapat mengatasi masalah warga tua yang tidak mendapat penjagaan sempurna keluarga terdekat, terutama ketika anak bekerja," katanya pada sidang akhbar selepas melancarkan Hari Warga Tua Peringkat Kebangsaan, di Hotel Mandarin Oriental, di sini hari ini.

Lebih 1,500 warga tua dari Rumah Seri Kenangan dan institusi penjagaan warga tua swasta seluruh negara menghadiri majlis yang bertemakan Warga Tua Aktif Hidup Produktif.

Dalam pembentangan Bajet 2003, Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mengumumkan mereka yang mengeluarkan perbelanjaan membina atau membeli bangunan untuk pusat jagaan warga tua akan diberi elaun bangunan khas sebanyak sepuluh peratus selama sepuluh tahun.

Siti Zaharah berkata, dengan ada pusat itu mudah bagi anak meninggalkan ibu atau bapa ketika bekerja, terutama di bandar besar yang mana suami isteri biasanya bekerja, menyebabkan mereka tidak mempunyai masa menjaga warga tua di rumah.

Beliau berkata, kerajaan meluluskan pembinaan 18 pusat jagaan harian warga tua dengan enam sudah siap dibina dan satu sudah beroperasi di Cheras Baru.

Lima lagi pusat jagaan harian itu ialah di Tanjung Malim, Perak; Seremban, Negeri Sembilan; Bukit Payung, Terengganu; Pekan dan Raub di Pahang yang dijangka mula beroperasi awal tahun depan.